

SOALAN DAN LATIHAN: TINGKATAN 1

1. Antara yang berikut yang manakah sumber primer?
 - A. Rencana akhbar
 - B. Surat perjanjian
 - C. Buku teks sejarah
 - D. Tulisan dalam jurnal

2. Candi yang ditemui di Lembah Bujang menjadi bukti tentang kewujudan pengaruh Buddha di Kedah.
Candi berkenaan dikenali sebagai
 - A. sumber sejarah
 - B. sumber gali cari
 - C. sumber seni bina
 - D. sumber arkeologi

“Pertempatan awal manusia di negara ini bukannya di persisiran pantai tetapi di gua-gua di pendalaman”

-Ahli sejarah

3. Ahli sejarah membuat kesimpulan tersebut berdasarkan
 - A. sumber lisan
 - B. sumber bertulis
 - C. sumber sekunder
 - D. sumber arkeologi

4. Selain sumber pertama, ahli sejarah juga menggunakan sumber kedua untuk mengkaji sejarah.
Antara yang berikut, manakah sumber kedua
 - I Diari
 - II Jurnal
 - III Majalah
 - IV Laporan televisyen
 - A. I,II dan III
 - B. I,II dan IV
 - C. I,III dan IV
 - D. II,II dan IV

Zaman Logam

5. Petempatan penduduk zaman tersebut telah ditemui di kawasan

- A. Gua Niah, Sarawak
- B. Tingkayu, Sabah
- C. Bukit Jawa, Perak
- D. Sungai Tembeling, Pahang

Pertempatan Awal → Pelabuhan Awal

6. Berdasarkan rajah di atas, apakah faktor yang menyebabkan munculnya pelabuhan awal?

- I Sumber bekalan dagangan
- II Kemunculan pusat pentadbiran di muara sungai
- III Sungai menjadi laluan perdagangan
- IV Kemahiran membina kapal

- A. I dan II
- B. II dan III
- C. III dan IV
- D. I dan IV

Kerajaan Awal di Asia Tenggara	
X	Maritim

7. Berdasarkan jadual di atas, X ialah

- A. kerajaan agraria
- B. kerajaan maritim
- C. kerajaan empayar
- D. kerajaan negara kota

8. Antara yang berikut manakah berkaitan dengan *baray*?

- I Dibina oleh kerajaan Funan
- II Merupakan sebuah kolam besar
- III Disalirkan ke 12.5 juta ekar sawah
- IV Bloeh menampung 30 juta meter padu

- A. I,II dan III
- C. I,III dan IV

B. I,II dan IV

D. II,II dan IV

Batu Bersurat Kuala Berang, Terengganu

9. Mengapakah batu bersurat tersebut penting kepada ahli sejarah?
- A. Memberi gambaran tentang budaya masyarakat Islam awal
 - B. Memberi maklumat tentang penyebaran Islam ke negara ini
 - C. Mengandungi maklumat tentang penggunaan hukum syariah
 - D. Menyatakan tentang penggunaan tulisan jawi pada zaman awal

Kerajaan ini merupakan sebuah kerajaan yang menjalankan kegiatan ekonomi pertanian
--

10. Maklumat di atas berkaitan dengan
- A. kerajaan agraria
 - B. kerajaan maritim
 - C. kerajaan empayar
 - D. kerajaan negara kota
11. Kegiatan terpenting kerajaan maritim ialah
- A. perikanan
 - B. perdagangan
 - C. pembinaan kapal
 - D. menjual hasil keluaran

Kerajaan X	• Pada abad ke-13 ia menerima pengaruh China
	• Lenyap pada abad ke-15

12. Maklumat di atas berkaitan dengan
- A. Kerajaan Funan
 - B. Kerajaan Angkor
 - C. Kerajaan Champa
 - D. Kerajaan Srivijaya

Mengawal Selat Melaka, Selat Sunda dan Laut Jawa

13. Maklumat diatas menerangkan tentang kerajaan
- A. Majapahit
B. Srivijaya
C. Melaka
D. Aceh
14. Pada akhir abad ke-14, Parameswara dan para pengikutnya telah meninggalkan Palembang kerana
- A. meluaskan empayar Srivijaya
B. mengelakkan serangan Majapahit
C. menghindari rebutan kuasa di istana
D. menjalinkan hubungan dagangan dengan Temasik
15. Antara yang berikut manakah **BENAR** tentang pentadbiran Melaka?
- I Bentara menjalankan perintah raja
II Hulubalang menjaga keselantian di laut
III Biduanda kecil membawa adap kebesaran diraja
IV Sesetengah pembesar mengurungkan hal ehwal balai rong seri
- A. I,II dan III
B. I,II dan IV
C. I,III dan IV
D. II,III dan IV
16. Setelah membunuh Temagi Parameswara meninggalkan Temasik Mengapakah baginda mengambil tindakan sedemikian?
- A. Bukan bertujuan kekal di Temasik
B. Diusir penduduk Temasik
C. Khawatir diburu oleh Majapahit
D. Bimbang diperangi Siam
17. Mengapakah pada peringkat awal Melaka menghantar ufti tahunan kepada Siam?
- A. Mengelak ancaman Siam
B. Memonopoli perdagangan Siam
C. Menarik pedagang Siam ke Melaka
D. Meminta perlindungan terhadap ancaman Majapahit
18. Apakah kepentingan Orang Laut kepada Melaka?

- A. Membekalkan bahan makanan laut
- B. Mahir dalam perdagangan
- C. Menjadi angkatan laut
- D. Mengawal pelabuhan

19. Antara faktor paling penting yang menyebabkan Melaka berkembang maju?

- A. Pelabuhan dalam
- B. Kedudukannya strategic
- C. Banyak bekalan dagangan
- D. Hubungan baik dengan negara jiran

20. Melaka terletak di pertengahan antara Timur dan Barat
Apakah kepentingan kedudukan itu pada Melaka?

- A. Mendapat bekalan dagangan yang mencukupi
- B. Terlindung dari angin monsoon
- C. Selamat daripada ancaman lanun
- D. Dapat mengawal Selat Melaka

Di bahagian barat Melaka terdapat Pulau Sumatera, manakala
di bahagian timur pula terdapat Banjaran Titiwangsa

21. Antara yang berikut manakah berkaitan dengan maklumat di atas?

- A. Pelabuhan Melaka selamat
- B. Pelabuhan Melaka dalam airnya
- C. Melaka mempunyai penanda arah
- D. Bekalan mencukupi dari kawasan pedalaman

22. Anda seorang pedagang di pelabuhan Meaka pada awal abad ke-16. Anda enggan lagi berdagang di Melaka.

Mengapakah anda mengambil tindakan demikian?

- I Bimbang terhadap serangan Portugis
- II Pelabuhan Melaka tidak dalam lagi
- III Sistem cukai tidak diamalkan
- IV Kadar cukai sangat tinggi

- A. I dan II
- B. II dan III

- C. III dan IV
- D. I dan IV

23. Perlantikan Tun Mutahir sebagai Bendahara Melaka meniggalkan kesan buruk ke atas Melaka.

Apakah kesan tersebut?

- A. Munculnya gerakan penentangan di kalangan orang asing di Melaka
- B. Timbul persaingan kuasa antara orang melayu dan India-Muslim
- C. Wujud persaingan perdagangan antara orang Arab dan Gujerat
- D. Berlaku penindasan ke atas Orang Laut dan orang Melayu

24. Hubungan persahabatan antara Melaka dan Pasai terjalin berikutan.

- A.penghantaran ufti ke Melaka
- B.penaklukan Melaka ke atas Pasai
- C.kejayaan Melaka mengamankan Pasai
- D.perkahwinan Sultan Melaka dengan puteri Pasai

25. Mengapakah rempah mendapat permintaan yang tinggi di Eropah?

- I Untuk menghasilakn alat solek
- II Untuk memberikan kesedapan dalam masakan
- III Untuk mengawet makanan
- IV Untuk memanaskan badan

- A. I,II dan III
- B. I,II dan IV

- C. I,III dan IV
- D. II,II dan IV

26. Dalam serangan Portugis pada 25 Julai 1511, Portugis dapat menguasai jambatan Melaka.Antara yang berikut faktor manakah yang menyebabkan kemenangan tersebut?

- A Pengkhianatan para pendatang asing
- B Tentera Melaka diserang secara mengejut

- C Pertahanan Melaka tidak disertai Orang Laut
D Rahsia kekuatan Melaka dibocorkan kepada Portugis
27. Alfonso de Albuquerque telah mengemukakan beberapa tuntutan kepada Melaka. Manakah antara yang berikut tuntutan-tuntutan berkenaan?
- I Pembayaran ganti rugi
 - II Penyerahan Tun Mutahir
 - III Pembinaan kubu pertahanan
 - IV Pembebasan tawanan Portugis
- A. I,II dan III
B. I,II dan IV
C. I,III dan IV
D. II,II dan IV
28. Walaupun tewas,namun kegigihan dan keberanian rakyat Melaka mempertahankan tanah airnya wajar disanjung tinggi.Peribahaa manakah yang sesuai dengan pernyataan di atas?
- A. Alang-alang menyeluk perkasam biar sampai ke pangkal lengan
 - B. Genggam bara api sampai jadi arang
 - C. Berat sama dipikul ringan sama dijinjing
 - D. Biar putih tulang jangan putih mata
29. Pada pertengahan abad ke-17, Johor mencapai kegemilangan. Apakah faktor utama yang menyumbangkan ke arah kegemilangan tersebut?
- A. Kemajuan perdagangan
 - B. Kecekapan pamarintahannya
 - C. Perkembangan bidang persuratan
 - D. pembentukan empayar yang luas
30. Mengapakah Johor kerap mengubah pusat pentdbirannya di sepanjang Sungai Johor dan Kepulauan Riau?
- A. Sebagai strategi untuk mempertahankan diri
 - B. Mencari kawasan yang sesuai sebagai pelabuhan
 - C. Mendapatkan kawasan bentuk muka bumi yang sesuai
 - D. Mencari kawasan yang mempunyai banyak sumber bekalan

- Tun Sri Lanang
- Laksamana tun abdul Jamil

31. Mengapakah kedua-dua tokoh di atas dikenang dalam sejarah Johor?

- A. Menjadikan Johor sebuah kerajaan yang gemilang
- B. Menghasilkan penulisan salasilah raja
- C. Berusaha menawan semula Melaka
- D. Memajukan perdagangan Johor

32. Setelah Portugis menawan Melaka, ramai pedagang beralih singgah ke Aceh. Mengapakah mereka berbuat demikian?

- A. Kerana dasar perdagangan Portugis
- B. Kerana orang Portugis beragama Kristian
- C. Kerana mengelakkan serangan balas rakyat Melaka
- D. Kerana kemudahan di pelabuhan Melaka telah musnah

33. Kesultanan Perak diasaskan pada tahun 1528 oleh

- A. Tun Saban
- B. Raja Muzaffar
- C. Sultan Iskandar Zulkarnain
- D. Sultan Abdullah

34. Manakah antara yang berikut berkaitan dengan asal usul Johor?

- I Diterokai oleh saudagar Arab
- II Berasal daripada bahasa arab
- III Nama asalnya ialah Ujong Tanah
- IV Dipanggil Jauhar bermaksud permata

- A. I,II dan III
- B. I,II dan IV

- C. I,III dan IV
- D. II,III dan IV

- Hikayat Hang Tuah
- Sejarah Melayu

35. Apakah persamaan antara kedua-dua hasil kesusasteraan di atas?

- A. Dihasilkan oleh Bendahara Tun Sri Lanang

- B. Memaparkan kisah-kisah dalam cerita rakyat
 C. Mengandung salasilah raja-raja Melayu Melaka
 D. Menggambarkan keagungan Kesultanan Melayu Melaka
36. Pada abad ke-18, Kedah berada dalam keadaan kurang stabil. Antara faktor berikut, manakah faktor ketidakstabilan Kedah?
- I Ancaman Siam
 II Perebutan takhta Kedah
 III Serangan daripada tentera Burma
 IV Pertikaian sesama kerabat diraja
- A. I,II dan III
 B. I,II dan IV
 C. I,III dan IV
 D. II,II dan IV
37. Apakah langkah yang diambil oleh pembesar Johor untuk menghapuskan pengaruh Bugis di Johor?
- A. Meminta bantuan Belanda
 B. Menggalakkan perkahwinan campur
 C. Mengukuhkan pengaruh ke atas sultan
 D. Membunuuh ketua orang Bugis
38. Kedah telah menjalin hubungan baik dengan inggeris. Apakah implikasi daripada hubungan tersebut?
- A. Kedah menerima seorang penasihat inggeris
 B. Kedah mendapat perlindungan inggeris
 C. Kedah ditakluki Siam pada tahun 1821
 D. Perdagangan Kedah semakin maju
39. Mulai tahun 1641 hingga tahun 1673, Pahang diletakkan di bawah kekuasaan Yamtuan Muda Johor, Raja Bajau. Langkah ini menyebabkan
- A. tercetusnya pemberontakan di Pahang dengan bantuan Siam
 B. berakhirnya pemerintahan berketurunan Melaka di Pahang
 C. bermulanya penguasaan Kesultanan Johor ke atas Pahang
 D. berlakunya rebutan kuasa di kalangan pembesar Pahang
40. Selepas tahun 1820-an, Terengganu tidak lagi menunjukkan permusuhan terhadap Kelantan. Mengapakah Terengganu mengambil sikap sedemikian?
- A. Raja Kelantan yang memusuhi Terengganu telah mangkat
 B. Takhta Kelantan dikuasai oleh Putera Terengganu
 C. Terengganu diberi amaran oleh Inggeris
 D. Hubungan baik Kelantan dengan Siam

41. Kedudukan orang Bugis di Selangor semakin kukuh menjelang abad ke-18. Apakah bukti kenyataan di atas?
- A. Perlantikan Raja Lumu sebagai Sultan Selangor
 - B. Kedatangan ramai orang Bugis ke Selangor
 - C. Orang Bugis menguasai lombong-lombong bijih timah
 - D. Orang Bugis mendapat sokongan Belanda
42. Penghulu-penghulu daerah di Negeri Sembilan memohon Kesultanan Johor menghantar seorang putera raja bagi memerintah negeri mereka tetapi gagal. Apakah langkah yang diambil oleh penghulu-penghulu berkenaan?
- A. Memohon seorang putera dari Selangor
 - B. Menjemput putera raja dari Pagar Ruyung
 - C. Mengadakan rundingan dengan orang Bugis
 - D. Melantik seorang raja di kalangan mereka sendiri
43. Mengapakah rakyat takut untuk menderhaka kepada raja?
- A. Bimbang dipulau oleh masyarakat
 - B. Bimbang dihukum penjara
 - C. Bimbang diusir dari negeri
 - D. Bimbang ditimpa tulah
44. Dalam undang-undang Adat Perpatih, orang yang mahir mentafsir dan melaksanakan hukum dinamakan
- A. Luhak
 - B. Undang
 - C. Buapak
 - D. Ketua adapt
- Bulat anak buah menjadi buapak
Bulat buapak menjadi lembaga
Bulat lembaga menjadi penghulu
Bulat penghulu menjadi raja
45. Perbilangan adat di atas menggambarkan
- A. raja dipilih oleh rakyat
 - B. kepentingan permuafakatan
 - C. hierarki dalam sistem sosial
 - D. sistem pemilihan dalam perlantikan

- Menanam padi sawah
- Mengusahakan padi huma
- Menanam sayur-sayuran

46. Maklumat di atas berkaitan dengan kegiatan ekonomi dalam masyarakat Melayu tradisional. Kegiatan tersebut dipanggil

- A. ekonomi penanaman C. ekonomi sara diri
 B. ekonomi kampung D. ekonomi purba

X	Orang Bajau, Melayu-Brunei dan Suluk memperdagangkan hasil laut dan beras. Orang Kadazandusun dan Murut hasil hutan.
---	--

47. Maklumat di atas menggambarkan jenis pasar di X. X ialah

- A. pasar tani C. pasar rabu
 B. pasar tamu D. pasar besar

- Tolong-menolong
- Menghormati jiran

48. Maklumat di atas berkaitan dengan amalan dalam masyarakat Melayu. Amalan ini menunjukkan bahawa masyarakat Melayu tradisional

- A. suka merendahkan diri
 B. gemar akan pergaulan
 C. menekankan nilai-nilai murni
 D. tidak mementingkan diri sendiri

Kesan-kesan kewujudan manusia di Sarawak bermula pada kira-kira 40,000 tahun lalu.
--

49. Pernyataan di atas dapat dibuktikan dengan penemuan

- A. kubur lama di lembah Rajang
 B. petempatan awal di persisiran pantai
 C. peninggalan sejarah dalam Gua Niah
 D. tapak penghasilan peralatan batu di Kuching

Melanau	Pesisran pantai
Kenyah	Lembah sungai
Penan	Pedalaman

50. Maklumat di atas menggambarkan taburan petempatan penduduk Sarawak adalah mengikut

- A. geografi
- B. amalan budaya
- C. kegiatan
- D. pembahagian daerah

51. Beberapa etnik bumiputera di Sarawak masih mengamalkan kepercayaan animisme.

Antara yang berikut manakah menerangkan tentang kepercayaan tersebut?

- A. Semua fenomena semula jadi mempunyai penjaga yang mesti dipuja
- B. Makhluk ghaib mempunyai pertalian kekeluargaan dengan manusia
- C. Roh nenek moyang hendaklah dipuja sebagai mengenai mereka
- D. Semua benda di atas muka bumi mempunyai semangat dan roh

Mendidik telinga dan menggantung gelang hingga cuping telinga menjadi lanjut adalah amalan tradisi di kalangan etnik Kayan, Kelabit, dan Kenyah

52. Berdasarkan maklumat di atas, apakah tujuan etnik berkenaan berbuat demikian?

- A. Melambangkan status
- B. Menunjukkan tahap umur
- C. Menggambarkan kecantikan
- D. Mematuhi Kepercayaan tradisi

Kaum	Tanaman
X	Sagu
Kelabit	Padi sawah
Kedayan	Lada hitam

53. Jadual di atas menerangkan tentang kegiatan penanaman di kalangan etnik di Sarawak.

Tanda X di atas merujuk kepada etnik

- A. Iban
- B. Penan
- C. Bidayuh
- D. Melanau

- Mengamalkan animisme
- Tuhan agung mereka ialah Kinorohingan
- Pesta kaamatan sebagai tanda kesyukuran kepada Kinorohingan

54. Maklumat di atas berkaitan dengan sistem kepercayaan dalam masyarakat

- A. Bajau
- B. Murut
- C. Kadazandusun
- D. Melayu-Brunei

55. Orang Kadazandusun, Murut dan Orang Sungai hidup terpisah antara satu sama lain di pedalaman Sabah.

Keadaan ini menyebabkan mereka

- A. mengamalkan sistem politik kesukuan
- B. mempunyai kepercayaan animisme
- C. menjalankan kegiatan memburu
- D. memusuhi satu sama lain

56. Pada abad ke-17, Kesultanan Brunei menghadapi masalah perebutan kuasa. Apakah implikasi daripada keadaan tersebut?

- A. Sultan Muyiddin digulingkan oleh musuhnya
- B. Negeri Brunei berpecah kepada beberapa wilayah
- C. Kesultanan Brunei tunduk kepada Kesultanan Sulu
- D. Kawasan timur laut Brunei diserahkan kepada Sultan Sulu

57. Kaum Bajau mengadakan upacara perkahwinaan pada 14 dan 15 hari bulan Hijrah.

Mengapakah mereka berbuat demikian?

- A. Pengantin akan dimurahkan rezeki
- B. Pengantin akan kelihatan lebih berseri
- C. Pengantin akan diberkati roh nenek moyang
- D. Pengantin akan dikurniakan ramai anak

Padi ditanam di kaki bukit. Selepas dua atau tiga minggu, petani akan berpindah ke tempat baru

58. Maklumat di atas menerangkan tentang

- A. pertanian sara diri
- B. pertanian campur
- C. pertanian pindah
- D. pertanian giliran

59. Bagaimanakah pendidikan tidak formal diajar dalam masyarakat Melayu tradisional?

- I Melalui sastera lisan
- II Melalui pemerhatian
- III Melalui pengajaran tok guru
- IV Melalui perubatan tradisional

- A. I,II dan III
- B. I,II dan IV

- C. I,III dan IV
- D. II,II dan IV

60. Orang Penan sentiasa berpindah-randah
Mengapakah mereka mengamalkan cara hidup sedemikian?

- I Kerana berlaku kematian
- II Kerana mencari tanah yang subur
- III Kepercayaan melarang menetap kekal
- IV Kepercayaan melarang melapangkan hutan

- A. I,II dan III
- B. I,II dan IV

- C. I,III dan IV
- D. II,II dan IV

_____oooOOO Soalan Tamat OOOooo_____